

3757/2
Ekonomi Asas
Kertas 2
Ogos-Sept
2 jam

PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010

EKONOMI ASAS

KERTAS 2

DUA JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
 2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan di **Bahagian B.***
 3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
 4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
 5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Bahagian A

Jawab mana-mana **tiga** soalan dalam bahagian ini.

- 1 (a) Petikan berikut adalah berkaitan dengan Firma A

Firma A sebuah kilang mengeluarkan barangan elektrik bercadang mengeluarkan ketuhar dan menanggungkan pengeluaran alat penghawa dingin memandangkan musim perayaan akan tiba tidak lama lagi.

Merujuk kepada situasi di atas,

- (i) Bagaimanakah Firma A menyelesaikan masalah ekonomi? [4 markah]
- (ii) Huraikan masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh Firma A. [4 markah]
- (b) Gambar 1 dan gambar 2 menunjukkan pernyataan oleh dua unit ekonomi



- (i) Namakan sistem ekonomi dalam gambar 1 dan gambar 2. [2 markah]
- (ii) Bezakan **tiga** ciri sistem ekonomi pada b(i). [6 markah]

- (c) Encik Muaz mempunyai isteri yang tidak bekerja dan tiga orang anak yang masih bersekolah. Berikut merupakan maklumat kewangan beliau bagi tahun 2009.

<u>Pendapatan dan perbelanjaan</u>	<u>RM</u>
Gaji	36 000
Bonus	2 000
Caruman KWSP 11% daripada gaji	11%
Premium insurans nyawa	1 200
Buku dan majalah	300
Bayaran zakat	500
<u>Pelepasan cukai yang dibenarkan</u>	<u>RM</u>
Diri sendiri	8 000
Isteri	3 000
Anak (seorang)	1 000
KWSP & insurans nyawa(maksimum)	6 000
Buku dan majalah(maksimum)	500
<u>Kadar cukai</u>	
RM 2 500 pertama	0%
RM 2 500 kedua	2%
RM 5 000 berikutnya	5%
RM 10 000 berikutnya	7%

Hitungkan

- (i) Jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Encik Muaz bagi tahun 2009. [6 markah]
- (ii) Jumlah pendapatan boleh guna Encik Muaz bagi tahun 2009. [3 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

- 2 Gambar 3 menunjukkan perbincangan tentang belanjawan peribadi.



- (a) Pada pandangan anda, bagaimanakah merancang belanjawan peribadi yang betul? [6 markah]


- (b) Jadual 1 menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan harga barang Q, R, dan S.

Jenis barang	Peratus perubahan kuantiti diminta	Peratus perubahan harga
Q	45	30
R	20	20
S	15	30

Jadual 1

- (i) Hitungkan nilai keanjalan harga permintaan bagi setiap barang.
[3 markah]
- (ii) Berdasarkan b(i) terangkan strategi yang boleh diambil oleh pengeluar untuk memaksimumkan keuntungan bagi barang Q *atau* barang S.
[3 markah]


- (c) Rajah 1 menunjukkan keluk penawaran kereta tempatan oleh Syarikat XYZ.



Rajah 1

- (i) Nyatakan maksud perubahan dari titik A ke titik B dan dari titik A ke titik C dalam rajah di atas. [2 markah]
- (ii) Huraikan perubahan dari titik A ke titik B dan dari titik A ke titik C. [5 markah]
- (iii) Terangkan **tiga** faktor yang menyebabkan perubahan dari titik A ke titik C. [6 markah]

- 3 (a) Berikan maksud pasaran. [2 markah]
- (b) Jelaskan perbezaan antara permintaan pasaran barang dengan penawaran pasaran barang. [6 markah]
- (c) Berikut ialah tiga situasi yang berasingan. Jelaskan kesan ke atas pasaran kereta bagi setiap situasi berikut.
- (i) Kakitangan kerajaan menerima kenaikan gaji bulanan. [2 markah]
- (ii) Perkhidmatan pengangkutan awam lebih cekap. [2 markah]
- (iii) Peningkatan teknologi terkini dalam pembuatan kereta. [2 markah]
- (d) Rajah 2 menunjukkan keseimbangan pasaran buruh.



Bagaimanakah keseimbangan pasaran buruh dalam rajah dicapai? [6 markah]

- (e) Nyatakan lima ciri wang yang baik. [5 markah]

- 4 (a) Bezakan **dua** ciri syarikat insurans konvensional dengan syarikat insurans takaful. [4 markah]
- (b) Terangkan **tiga** fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan. [6 markah]
- (c) Terangkan perkhidmatan arahan bank dalam membuat dan menerima bayaran bagi pihak pelanggan. [4 markah]
- (d) Berikut merupakan dua institusi kewangan

ABC BANK BERHAD

**ABC MERCHANT BANKERS
BERHAD**

Jelaskan perbezaan perkhidmatan yang disediakan oleh institusi kewangan di atas. [6 markah]

- (e) Jadual 3 menunjukkan peratus sumbangan sektor ekonomi kepada guna tenaga Malaysia dari tahun 2000 hingga tahun 2008.

Tahun Sektor	Peratus Sumbangan Sektor Ekonomi Kepada Guna Tenaga Malaysia				
	2000	2002	2004	2006	2008
Sektor Utama	61.3	53.1	38.5	28.4	15.6
Sektor Kedua	9.8	15.4	20.1	25.9	35.7
Sektor Ketiga	28.9	31.5	39.5	45.7	48.7

Nyatakan lima kesan daripada perubahan tersebut.

[5 markah]

- 5 (a) Nyatakan sebab kerajaan membuat pinjaman dalam negeri dan pinjaman luar negeri? [4 markah]
- (b) Gambar 4 menunjukkan pidato piala diraja tentang cabaran ekonomi negara.



Gambar 4

Sebagai individu yang rasional, mengapakah negara kita masih perlu meneruskan kegiatan perdagangan antarabangsa? [6 markah]

- (c) Jadual 4 menunjukkan kadar pertukaran Ringgit Malaysia berbanding dengan setiap Dollar Amerika Syarikat dan setiap Dollar Singapura.

Mata Wang	US\$1.00	S\$1.00
Bulan		
Jun	RM3.25	RM2.27
Disember	RM2.86	RM2.44

Jadual 4

- (i) Huraikan kesan perubahan kadar pertukaran tersebut ke atasimbangan perdagangan Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut. [4 markah]
- (ii) Jika warga Amerika Syarikat ingin melabur sebanyak RM50 000 di Malaysia pada bulan Jun, berapakah Dollar Amerika Syarikat perlu disediakan untuk memenuhi tujuan tersebut? [2 markah]
- (iii) Jika peniaga Malaysia berhutang sebanyak US\$75 000 daripada pembekal Amerika Syarikat pada bulan Jun dan menjelaskan hutangnya pada bulan Disember, apakah kesannya kepada peniaga tersebut? [3 markah]
- (iv) Pada pandangan anda, mengapakah pertukaran asing penting kepada negara Malaysia walaupun telah mempunyai mata wang sendiri? [6 markah]

Bahagian B

Bahagian ini wajib dijawab.

- 6 Pada awal tahun 2007, Cik Suraini telah menamatkan latihan sebagai pembantu makmal. Sekarang beliau bekerja sebagai pembantu makmal di SMK Jalan Lencong Barat. Cik Suraini tinggal serumah dengan Cik Haslin yang bekerja sebagai operator pengeluaran di sebuah firma di Alor Setar. Pendapatan bulanan yang diterima oleh Cik Suraini ialah RM1 100.00, manakala Cik Haslin memperoleh pendapatan sebanyak RM1 560.00 sebulan.

Pada masa itu, harga barang masih murah dan kehidupan mereka agak selesa. Sekarang tahun 2010, boleh dikatakan hampir keseluruhan harga barang telah meningkat begitu mendadak. Keadaan ini digambarkan dalam jadual di bawah:

Tahun	Tingkat Harga Umum		
	Barang A	Barang B	Barang C
2007	RM1.50	RM3.50	RM1.20
2008	RM2.50	RM5.90	RM1.30
2010	RM3.30	RM7.50	RM1.50

Gaji bulanan mereka dijangka tidak akan berubah dalam jangka masa lima tahun akan datang. Disebabkan kos sara hidup semakin meningkat, mereka bercadang membuka perniagaan bersama untuk menambah pendapatan. Namun begitu, mereka menghadapi masalah kewangan untuk memulakan perniagaan. Bagi mengatasinya, mereka bercadang untuk membuat pinjaman daripada institusi kewangan.

Sementara itu, senario ekonomi negara berada dalam keadaan pengangguran yang tinggi. Bagi mengatasinya, kerajaan bercadang untuk meningkatkan perbelanjaan khususnya perbelanjaan pembangunan bagi merancakkan kegiatan ekonomi, di samping menghapuskan beberapa cukai tertentu. Dengan tindakan ini diharap peluang pekerjaan dan pendapatan boleh guna isi rumah akan meningkat. Kerajaan telah membentangkan belanjawan defisit dengan hanya menggunakan sumber dalam negeri untuk menampung belanjawan tersebut.

Berdasarkan kes, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) (i) Nyatakan sektor ekonomi bagi pekerjaan Cik Suraini dan Cik Haslin
[2 markah]
- (ii) Hitung upah benar Cik Haslin bagi tahun 2007 dan tahun 2010. Nyatakan rumusan anda tentang upah benar Cik Haslin
[3 markah]
- (b) (i) Bagaimana Cik Suraini dan Cik Haslin dapat menambahkan pendapatan selain membuka perniagaan.
[6 markah]
- (ii) Nyatakan sumber pinjaman lain yang boleh diperolehi untuk membuka perniagaan bersama.
[4 markah]
- (c) Apakah situasi ekonomi yang berlaku? Adakah anda bersetuju dengan langkah-langkah kerajaan. Berikan alasan anda.
[5 markah]
- (d) Terangkan langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk menampung belanjawan pada tahun 2009.
[5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT